

06 MAY 1996

JEPUN BERI TINDAK BALAS POSITIF KPD GESAAN MEMINDAHKAN KILANG

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat Jepun menunjukkan tindak balas yang positif terhadap gesaan Malaysia memindahkan beberapa syarikat perkilangan komponen mereka ke Malaysia, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata pada mulanya, syarikat-syarikat Jepun agak lembab menyambut idea itu kerana mereka bimbang ia akan meninggalkan "kekosongan" dalam kekuatan perindustrian mereka dan melemahkan daya saingannya di peringkat antarabangsa.

"Kami menggalakkan syarikat-syarikat Jepun yang melabur di sini untuk mengeluarkan komponen-komponen berkenaan di sini daripada mengimportnya dari Jepun," Rafidah memberitahu pemberita di Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai strategi baru untuk mengurangkan defisit dagangan Malaysia dengan Jepun yang berjumlah RM19 bilion pada tahun 1995.

Rafidah juga berkata syarikat-syarikat Jepun boleh juga memindahkan kilang-kilang membuat komponen mereka ke negara-negara Asean yang lain agar kos keluaran dapat dikurangkan dengan banyak.

Syarikat-syarikat tempatan juga boleh mengambil daya usaha untuk melaksanakan skim mendapatkan komponen daripada pelbagai sumber yang mengurangkan pergantungan ke atas pengimportan dari satu negara saja, katanya.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beliau berkata penekanan untuk menggalakkan pelaburan tempatan berhubung pelaburan asing secara langsung kepada 60 peratus berbanding 40 peratus akan diteruskan.

"Kami akan teruskan dasar kami ke arah sasaran ini, dan strategi kami ialah meningkatkan pelaburan tempatan dan asing serentak," kata Rafidah.

Beliau berkata penyertaan pelabur tempatan akan menggerakkan pengeluaran pembuatan komponen dan alat ganti agar lebih banyak pelaburan tempatan dapat dihasilkan. -- BERNAMA

JSM MA SIA